

NTU terima kemasukan siswa perubatan paling ramai tahun ini

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**
nfathin@sph.com.sg

UNIVERSITI Teknologi Nanyang (NTU) menerima kohort terbesar bagi Sekolah Perubatan Lee Kong Chian (LKCMedicine) tahun ini dengan jumlah mahasiswa mencapai 138.

Tiga daripada mereka merupakan siswa Melayu/ Islam.

Ini merupakan kohort keenam sekolah perubatan tersebut yang secara keseluruhannya mempunyai 500 mahasiswa.

Seramai 12 daripada jumlah keseluruhan itu merupakan mahasiswa Melayu/ Islam.

Dalam satu acara simbolik yang diadakan semalam, kohort LKCMedicine tahun ini menyalurkan kot putih bagi melambangkan ilmu dan sifat belas ihsan yang perlu ada dalam diri mereka.

Acara Kot Putih itu diadakan di Auditorium Nanyang, NTU, dan dihadiri Dr Lee Suan Yew yang telah memainkan peranan penting dalam pembangunan perubatan di Singapura, termasuk berkhidmat sebagai Presiden Majlis Perubatan Singapura.

Memberi ucapannya kepada sekitar 550 hadirin di upacara tersebut, Dr Lee berkongsi tiga prinsip asas dengan para pelajar yang baru memulakan perjalanan perubatan mereka itu.

Yang pertama, katanya, adalah kecemerlangan.

“Anda cuba untuk menjadi pelajar, doktor, pakar bedah atau pentadbir perubatan yang cemerlang... cuba sedaya upaya.

“Anda akan berjaya jika anda mempunyai semangat dan minat dalam pelajaran anda,” ujarnya.

Yang kedua ialah mempunyai sifat rendah hati dan empati.

“Anda mesti memperlakukan pesakit anda dengan baik, hormati bangsa, status ekonomi dan agama mereka. Ini sangat penting. Jangan memiliki prasangka buruk terhadap agama atau tahap pendidikan mereka,” kata Dr Lee.



ACARA KOT PUTIH: Mahasiswa baru LKCMedicine, termasuk Encik Muhd Danish Massuryono (*tengah*), menyalurkan kot putih dalam acara Kot Putih yang diadakan di Auditorium Nanyang, NTU, semalam. – Foto NTU SINGAPORE

Yang terakhir pula ialah para mahasiswa itu perlu berkongsi ilmu, kemahiran dan keahlian mereka apabila sudah tamat pengajian dan menjadi pakar kelak.

Sementara itu, memberi kata-kata perangsang kepada para pelajar yang baru memulakan pengajian mereka Isnin lalu, dekan LKCMedicine, Profesor James Best berkata:

“Hari ini merupakan permulaan perjalanan yang sangat menarik.

“Anda semua memasuki dunia di mana anda akan belajar untuk menggabungkan ilmu dan kemahiran dengan sifat belas kasihan dan empati demi mengamalkan perubatan untuk kebaikan manusia.”

Jelas, apa yang disampaikan itu turut menjadi dorongan bagi tiga mahasiswa Melayu/Islam dalam kohort LKCMedicine tahun ini – Encik Muhd Nasrullah Shahrir, 21 tahun; Encik Muhd Danish Massuryono, 19 tahun; dan Cik Shirin Mehnaz Ansari, 18 tahun.

Mereka yang masing-masing sudah menanamkan cita-cita menjadi doktor sejak di bangku sekolah menengah lagi melangkah ke dunia perubatan dengan penuh semangat dan dengan niat yang murni.

Ketiga-tiga mereka yang ditemui *Berita Harian* semalam selepas acara Kot Putih di NTU mempunyai keinginan mendalam membantu orang di sekeliling.

“Apa yang akan terus membakar semangat saya dalam kerjaya yang bakal saya miliki di masa hadapan

ialah apabila saya dapat berkhidmat kepada orang lain,” ujar Encik Nasrullah.

Berkongsi pendirian serupa, Encik Danish dan Cik Shirin juga berkata keinginan untuk membantu dan berkhidmat kepada orang lain menjadi antara sebab utama mereka terpanggil untuk memilih bidang perubatan sebagai kerjaya.

Berkongsi pendirian serupa, Encik Danish dan Cik Shirin juga berkata keinginan untuk membantu dan berkhidmat kepada orang lain menjadi antara sebab utama mereka terpanggil untuk memilih bidang perubatan sebagai kerjaya.